

**PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER I SESI AKADEMIK 2012-2013**

**IJAZAH SARJANAMUDA DENGAN KEPUJIAN**

**JANUARI 2013**

**MASA: 1 JAM 30 MINIT**



**KOD KURSUS : ZZZT 2393**

**TAJUK KURSUS : PENGURUSAN MASA**

- ARAHAN :**
1. Jawab SEMUA soalan dalam borang OMR (02) yang diedarkan.
  2. Jumlah markah keseluruhan kertas ini 50 markah.
  3. Kertas soalan tidak dibenarkan dibawa keluar daripada Dewan Peperiksaan.

---

**Kertas soalan ini mengandungi 16 muka surat bercetak, tidak termasuk muka surat ini.**




MS ISO 9001 REG NO. AR 2845

**ARAHAN:****SILA JAWAP SEMUA SOALAN DAN PILIH JAWAPAN PALING TEPAT**

1. Sikap perlengahan secara berterusan adalah tanda \_\_\_\_\_.
- A. kebiasaan yang normal bagi semua pelajar.
  - B. awal masalah psikologi.
  - C. permulaan emosi yang negatif.
  - D. perbuatan lewat-lewatkan kerja.
  - E. suka menimbulkan krisis.

Untuk soalan 2 hingga 3, sila rujuk pada *caption* kartun berikut.



Gambar 1

2. Elemen perlengahan dapat dibaca dari ungkapan yang digunakan yaitu

\_\_\_\_\_.

- A. ‘...and then...’
- B. ‘...after high school...’
- C. ‘...twelve years in college...’
- D. ‘...majored in procrastination...’
- E. ‘...I spent...’

3. Imej seorang pelengah yang cuba ditonjolkan dalam gambar kartun ini adalah

\_\_\_\_\_.

- A. seorang pelengah sentiasa gemuk.
- B. seorang pelengah sentiasa akan ketinggalan.
- C. seorang pelengah akan tua sebelum masanya.
- D. seorang pelengah sentiasa tidak kemas.
- E. seorang pelengah sentiasa tidak yakin.

Arahan: Padankan jawapan untuk soalan 4 hingga 7 dari pilihan dalam Jadual 1 di bawah:


<p>4. Aman, adik kecil saya sentiasa bersemangat bila dapat bermain, tapi sungguh tidak bermaya ketika disuruh menyiapkan kerja rumahnya.</p>	<p>A. si pelengah relaks (<i>the relaxed type</i>)</p> <p>B. si pelengah jenis tinggal (<i>the abandon type</i>)</p> <p>C. si pelengah suka menidakkan (<i>the denial type</i>)</p> <p>D. si pelengah tidak fokus (<i>the unfocussed type</i>)</p> <p>E. si pelengah takut stres (<i>the tense-afraid</i>)</p>
<p>5. Rima menangguhkan projek pengurusan masanya kerana dia tidak percaya dengan kebolehannya.</p>	
<p>6. Pelengah jenis ini lebih suka menumpukan perhatian pada aktiviti yang lebih menyeronokkan.</p>	
<p>7. Pelengah ini tidak suka bergaul kerana tidak berani berhadapan dengan rakan-rakan yang lebih berkeyakinan</p>	

**Jadual 1**

Arahan: Soalan 8 hingga 12 adalah berkaitan dengan strategi pembelajaran. Untuk jawapan, sila rujuk di bawah.

- A. Faktor persekitaran -- *Environmental*
  - B. Faktor emosi – *Emotional*
  - C. Faktor sosiologi - *Sociological*
  - D. Faktor fizikal – *Physical*
  - E. Psikologi – *Psychological*
8. Bagi kebanyakan pasukan sukarelawan di Aceh, mereka terharu dengan lukisan anak-anak Aceh yang menjadikan lakaran ombak tsunami sebagai objek utama dalam lukisan mereka. Faktor ini berkaitan rapat dengan \_\_\_\_\_ dalam strategi pembelajaran mereka tentang kehidupan.
  9. Bagi pelajar di negara miskin, faktor bilik berhawa dingin atau kafeteria yang ada wifi bukanlah faktor utama untuk membantu strategi pembelajaran mereka. Bagi mereka , asalkan ada tempat untuk belajar sudah memadai. \_\_\_\_\_
  10. Keadaan bilik kuliah DK103 yang pendingin hawanya tidak berfungsi dan sistem komputernya ada virus telah menjejaskan tumpuan pelajar dalam proses memahami kuliah pembelajaran mereka. \_\_\_\_\_
  11. Amin lebih memahami isi kandungan kuliah jika beliau diberikan ruang melihat rangka keseluruhan kuliah yang bakal diberikan. \_\_\_\_\_
  12. Kebanyakan pelajar di institusi pengajian tinggi lebih cenderung untuk belajar dalam kumpulan kecil kerana cara ini amat membantu pemahaman mereka. \_\_\_\_\_
  13. Apakah maksud ungkapan dari Thomas Merton ini, *Happiness is not a matter of intensity but of balance and order and rhythm and harmony*.
    - A. Kegembiraan itu penting dalam kehidupan ini.
    - B. Banyak wang adalah lambang kegembiraan.
    - C. Kegembiraan berkaitan dengan keseimbangan kehidupan.
    - D. Wang dan harta boleh membeli kegembiraan
    - E. Keutamaan adalah jalan kepada keseimbangan kehidupan.

Soalan 14 dan 15 berkaitan dengan gambar Piramid Makanan di bawah.



Gambar 2: Piramid Makanan

14. Menjaga pemakanan adalah berkaitan dengan matlamat keseimbangan hidup. Mengapa kita perlu kurangkan makanan berminyak dan terlalu manis?
- Kerana kategori makanan tersebut terletak di hujung piramid.
  - Kerana makanan Melayu banyak jenis bergoreng dan manis.
  - Kerana makanan ini menyumbang masalah kesihatan.
  - Kerana harga minyak dan gula semakin mahal.
  - Kerana mengatasi masalah obesiti di kalangan rakyat Malaysia.
15. Makanan bagaimanakah yang perlu kita utamakan ketika mengambil sarapan pagi?
- Pisang goreng, donut dan air kopi.
  - Roti bakar, telur, salad buah dan air jus.
  - Nasi lemak, sambal ikan bilis dan air teh.
  - Mee goreng, telur goreng dan air sirap.
  - Roti canai, teh tarik manis dan kuah kari kambing.

16. *Listen or thy tongue will keep thee deaf* adalah ungkapan dari kaum pribumi Amerika yang membawa maksud \_\_\_\_\_.

- A. kemahiran mendengar dan bercakap saling beriringan.
- B. terlalu banyak bercakap boleh menjadikan kita tidak boleh mendengar.
- C. asyik bercakap membuatkan anda tidak mendengar.
- D. menggunakan lidah akan membuatkan anda pekak.
- E. kemahiran mendengar penting dalam kehidupan seimbang.

Untuk soalan 17 hingga 20, sila rujuk Gambar 3 di bawah.



Gambar 3


17. *The best charity is that given by one who has little* membawa maksud \_\_\_\_\_.

- A. kita hanya boleh memberi ketika kita senang.
- B. kita boleh memberi ketika kita susah.
- C. memberi walaupun kita susah adalah tinggi nilainya.
- D. Islam mengalakkan umatnya supaya menjadi kaya-raya.
- E. memberi tinggi nilainya bagi orang yang kecil tangannya.

18. Gambar 3 berkaitan dengan amalan bersedekah iaitu \_\_\_\_\_.
- A. barang yang disedekahkan mestilah mahal nilainya.
  - B. tangan di atas lebih mulia daripada tangan di bawah.
  - C. memberi lebih digalakkan dari menerima dalam Islam.
  - D. amalan bersedekah perlu ditunjukkan dalam bentuk poster.
  - E. kita perlu bersedekah hanya kepada fakir miskin.
19. Apakah kaitan amalan bersedekah dengan kehidupan seimbang?
- A. Bersedekah adalah amalan yang sangat digalakkan oleh Rasulullah saw.
  - B. Lebih banyak bersedekah, lebih kurang orang menjadi miskin.
  - C. Amalan sedekah menjadikan orang kaya ingatkan kemiskinan.
  - D. Amalan bersedekah menjadikan kehidupan kita lebih tenang.
  - E. Lebih banyak bersedekah, lebih banyak fakir miskin datang meminta.
20. Nabi Muhammad (saw) mengalakkan amalan bersedekah kerana \_\_\_\_\_.
- A. amalan bersedekah boleh membantu orang fakir dan miskin.
  - B. amalan bersedekah menjadikan orang Islam lebih mulia.
  - C. amalan bersedekah mendidik orang kaya membantu orang susah.
  - D. bersedekah mewujudkan kasih sayang antara manusia.
  - E. mahukan orang kaya bersedia mengeluarkan wang mereka.



Untuk soalan 21 hingga 25, sila rujuk Gambar 4 dan jawapannya di bawah.



Gambar 4: Pengurusan Masa Berkesan

- A. Menjadi proaktif
  - B. Menentukan keutamaan
  - C. Memberikan fokus
  - D. Membuat perancangan
  - E. Memberikan delegasi
21. \_\_\_\_\_ adalah penting dalam pengurusan masa yang berkesan. ‘Mengatur-aturkan kerja’ adalah strategi dalam menguruskan masa kerana ni dapat mengelakkan sindrom ‘terlupa’ atau ‘kelam-kabut’.
22. Azuwana adalah seorang yang prihatin dalam pengurusan masanya. Beliau sentiasa menyemak semula perancangannya pada awal hari untuk \_\_\_\_\_ pada hari tersebut.
23. Puan Maznah sentiasa menyarankan untuk \_\_\_\_\_ dalam kuliah kerana strategi ini akan memberikan manfaat dalam pemahaman setiap pembelajaran dan pelajar tidak perlu mengulangkaji perkara yang sama di luar kuliah.






24. Untuk mengelakkan keadaan kerja yang terlalu banyak dan bertimbun, Azam menetapkan spesifikasi tugas untuk rakan-rakannya dalam projek emel. Azam mengaplikasikan strategi \_\_\_\_\_ pada rakan-rakan sekumpulannya agar setiap ahli kumpulan ada tugas penting yang dipertanggungjawabkan.
25. Krisis atau masalah dalam pengurusan masa boleh ditangani dengan baik jika setiap ahli kumpulan bekerja dan bergerak \_\_\_\_\_ sebelum masalah tersebut menjadi lebih besar lagi.

Untuk soalan 26 hingga 30, sila rujuk jawapan di bawah:

- A. Pelajar visual (*visual learner*)
  - B. Pelajar auditori (*auditory learner*)
  - C. Pelajar kinestetik (*kinaesthetic learners*)
  - D. Pelajar pintar
  - E. Pelajar *multi-tasking*
26. Pelajar yang dikategorikan dalam golongan ini adalah mereka yang cenderung belajar dengan melakukannya sendiri. \_\_\_\_\_
27. Golongan pelajar ini menggunakan strategi memahami konsep besar dahulu dan seterusnya melakarkan peta minda sebagai pengukuhan pembelajarannya. \_\_\_\_\_
28. Ahmad Zafir lebih mudah faham apabila dapat mendengar penerangan yang diberikan oleh rakannya semasa sesi perbincangan kumpulan. \_\_\_\_\_
29. Tabiat mengenalpasti katakunci dan penggunaan frasa-frasa penting adalah strategi pembelajaran yang seringkali digunakan oleh \_\_\_\_\_.
30. Safiyyah seringkali membuat gandingan kerja ringan seperti mengosok baju sambil mendengar ceramah agama di radio. \_\_\_\_\_.

Untuk soalan 31 hingga 35, sila padankan pernyataan di bawah dengan simbol imej gambar yang disediakan dalam Jadual 1 di bawah.

**Jadual 1: Gaya Strategi Pembelajaran**

				
A	B	C	D	E

31. Corak pengajaran bagi kumpulan pelajar ini perlu diberikan secara gambaran luas supaya mereka lebih mudah faham.
32. Kekuatan gaya pembelajaran pelajar ini adalah apabila orang lain membincangkan pelbagai isu, dia boleh memainkan semula maklumat tersebut dalam mindanya.
33. Adalah menjadi tanggungjawab setiap pengajar untuk memastikan strategi pengajaran yang digunakan dapat membantu pelajar belajar dengan lebih berkesan.
34. Golongan pelajar yang menggunakan strategi pembelajaran ini lebih selesa belajar sedikit demi sedikit sebagai pelan tindakannya.
35. Kelemahan utama pelajar yang cenderung dengan gaya pembelajaran ini ialah menguruskan banyak tugas yang terbengkalai.

Untuk soalan 36 hingga 38, sila rujuk kata-kata hikmah yang diucapkan oleh Mrs Eleanor Roosevelt, isteri presiden Amerika Syarikat yang ke 32.

*Yesterday is history, tomorrow is a mystery, and today is a gift; that's why they call it the present.*

Eleanor Roosevelt

36. Apakah yang dimaksudkan dengan "...and today is a gift; that's why they call it the present".

- A. Setiap masa adalah penting.
- B. Masa adalah satu anugerah.
- C. Perlu fokus masa sekarang.
- D. Masa bukan milik kita.
- E. Masa yang lepas tidak akan kembali.

37. Apakah yang dimaksudkan dengan 'tomorrow is a mystery'?

- A. Kerana tiada matlamat yang jelas.
- B. Semua perancangan belum tentu dapat dilaksanakan.
- C. Kita tidak dapat mengawal hari esok.
- D. Perancangan esok tidak jelas.
- E. Kerana tidak peka dengan masa

38. Secara keseluruhan, intipati ungkapan Puan Eleanor Roosevelt adalah ...

- A. ciri masa terbahagi pada tiga peringkat.
- B. melihat masa sebagai anugerah yang tinggi nilainya.
- C. lupakan tentang cerita semalam.
- D. utamakan hari ini daripada esok atau semalam.
- E. menanti hari esok.

39. Kenalpasti ciri masa seperti berikut:


- I Masa itu ernas
- II Masa yang lepas tidak akan kembali
- III Masa tetap berjalan
- IV Masa esok belum pasti
- V Masa itu *linear*

- A. I, II dan III
- B. I, II dan IV
- C. II, III dan IV
- D. III, IV dan V
- E. II, III, IV dan V

40. Kehidupan yang seimbang bermaksud melakukan sesuatu pekerjaan dengan bersungguh dan pada masa yang sama kita dapat \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_.

- A. memikirkan perihal diri, mendahulukan orang lain.
- B. menikmati masa lapang, menjalin hubungan dengan orang lain.
- C. mengurus krisis, menetapkan keutamaan.
- D. merancang jadual kerja harian, menikmati masa lapang.
- E. menetapkan keutamaan kerja, mengurus krisis.

Untuk soalan 41 hingga 43 sila rujuk Gambar Rajah 1 di bawah.



Gambar Rajah 1: Stress Performance Connection

41. Apakah yang berlaku pada individu bila tahap stresnya sudah tidak terkawal?
- Dia sentiasa suka berehat.
  - Dia suka balik kerja lewat.
  - Dia mula merasa risau.
  - Kerjanya sudah tidak terurus.
  - Dia sentiasa peka dengan keadaan sekeliling.
42. Manusia memerlukan sedikit tekanan untuk terus bergerak. Tahap stres yang manakah dikatakan tahap yang diperlukan?
- Stres tahap rendah
  - Stres tahap sederhana
  - Stres tahap tinggi
  - Tiada stres
  - Stres tidak terkawal

43. Bila seseorang tidak boleh duduk bertenang dan raut mukanya menunjukkan riak kerisauan ini bermakna dia \_\_\_\_\_.
- A. Stres tahap rendah
  - B. Stres tahap sederhana
  - C. Stres tahap tinggi
  - D. Tiada stres
  - E. Stres tidak terkawal
44. Islam melihat stres bukan hanya berpunca daripada tekanan mental bahkan juga berpunca dari kecelaruan dan kelemahan \_\_\_\_\_.
- A. fizikal, emosi dan pemikiran.
  - B. hati, pemikiran dan emosi.
  - C. nafsu, fizikal, akal dan emosi.
  - D. hati, ruh, nafsu dan akal.
  - E. fizikal, emosi, ruh dan akal.
45. Dari Luqman Hakim yang berpesan kepada anaknya, “Wahai anakku, duduklah kamu dengan orang-orang yang berilmu dan rapatkan lutut-lututmu dengan mereka. Sesungguhnya Allah swt menghidupkan hati (akal) itu dengan cahaya ilmu, sepertimana dihidupkan bumi dengan air hujan.” ‘Rapatkan lutut-lututmu dengan mereka bermaksud \_\_\_\_\_’.
- A. meluruskan kaki
  - B. duduk dengan tekun
  - C. duduk dekat-dekat
  - D. duduk dan belajar
  - E. rapatkan kaki

46. Pilih pernyataan yang **tidak benar**.
- A. Tekanan boleh bertindak sebagai dorongan yang memberangsangkan seorang pekerja untuk bekerja dengan bersungguh-sungguh bagi menghasilkan kerja yang baik.
  - B. Tekanan tidak akan berlaku ke atas sesetengah individu.
  - C. Tekanan boleh menjejaskan prestasi baik individu dan organisasinya.
  - D. Tekanan yang berlebihan boleh menimbulkan kesan negatif kepada individu.
  - E. Tekanan yang berterusan boleh menimbulkan kesan negatif kepada individu.
47. Berikut adalah punca tekanan dalaman di tempat kerja **melainkan ...**
- A. Kurangnya penghargaan.
  - B. Tidak cukup masa untuk siapkan tugas atau kerja.
  - C. Tidak mampu untuk mengeluarkan pendapat.
  - D. Terlalu banyak hendak dibuat tetapi sumbernya kurang.
  - E. Kurang daya kreativiti atau kuasa.
48. Apakah kesan psikologi terhadap tekanan?
- A. Perasaan tinggi diri terhadap kebolehan diri.
  - B. Perasaan cemas tentang tidak kepastian masa depan.
  - C. Perasaan marah yang tidak menentu.
  - D. Perasaan dukacita yang menyebabkan perubahan selera makan.
  - E. Perasaan terasing atau kesepian.
49. Jauhari mendapati bahawa personalitinya menyebabkan tekanan di tempat kerja. Apakah langkah sebaiknya yang perlu diambil oleh beliau ?
- A. Mengenal pasti punca dan kesan tekanan kerja.
  - B. Mengenal pasti rakan sekerja yang boleh bekerjasama.
  - C. Berusaha mengubah tingkahlakunya.
  - D. merekabentuk sistem kerja yang lebih berstruktur.
  - E. memberi perhatian terhadap struktur dan dasar organisasi di tempat kerja.



50. Kehidupan yang seimbang bermaksud melakukan sesuatu pekerjaan dengan bersungguh dan pada masa yang sama kita dapat \_\_\_\_\_ dan \_\_\_\_\_.

- A. memikirkan perihal diri, mendahulukan orang lain.
- B. menikmati masa lapang, menjalin hubungan dengan orang lain.
- C. mengurus krisis, menetapkan keutamaan.
- D. merancang jadual kerja harian, menikmati masa lapang.
- E. menetapkan keutamaan kerja, mengurus krisis.

“SELAMAT MAJU JAYA”